

## KONTRAK PENDASAR SYER KEANGGOTAAN KOPERASI: SATU ANALISIS DARI PERSPEKTIF SYARIAH

### *The Underlying Contract For Cooperative Membership Shares: An Analysis From The Shariah Perspective*

**Muhammad Fathi**

Calon Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Pengurusan  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
fathinazrudin@gmail.com

&

**Kamaruzaman Noordin (PhD)\***

\**Pengarang Koresponden*, Profesor Madya, Jabatan Syariah dan Pengurusan  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
zamann@um.edu.my

**Fadillah Mansor (PhD)**

Profesor Madya, Jabatan Syariah dan Pengurusan  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
fadillah@um.edu.my

#### ABSTRAK

Kajian ini meneroka dan menganalisis pengaplikasian kontrak Syariah khususnya *musyarakah* dan *mudharabah* dalam institusi koperasi di Malaysia dan menentukan *takyif fiqhi* bagi pelaksanaan syer keanggotaan berdasarkan operasi koperasi selaras dengan Akta Koperasi 1993 serta garis panduan terkini. Berbeza dengan kajian terdahulu yang lebih menumpukan perbincangan secara konseptual, kajian ini menilai kesesuaian kontrak Syariah dalam struktur keanggotaan koperasi dengan merujuk kepada perundangan dan garis panduan koperasi yang diamalkan di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen terhadap kerangka perundangan koperasi, garis panduan kontrak Syariah dan teks fiqh bagi meneliti kesesuaian kontrak Syariah dalam keanggotaan koperasi. Hasil kajian mendapati bahawa kontrak *musyarakah* khususnya *syirkah al-'inan* bersesuaian untuk dijadikan sebagai kontrak pendasar syer keanggotaan koperasi kerana sebahagian besar perundangan koperasi menepati prinsip kontrak ini. Sebaliknya, kontrak *mudharabah* dilihat kurang sesuai kerana terdapat percanggahan pada prinsip koperasi yang menekankan pemilikan bersama dan penglibatan aktif anggota. Walau bagaimanapun, beberapa isu seperti pengurusan pewarisan dan pengagihan dividen masih memerlukan penambahbaikan dari sudut pematuhan Syariah. Kajian ini menyumbang kepada pembentukan kerangka kerja Syariah bagi syer keanggotaan koperasi dan boleh dijadikan rujukan kepada penggubal dasar, pengurus koperasi dan penyelidik kewangan Islam dalam meningkatkan kepatuhan Syariah dalam operasi koperasi.

**Kata Kunci:** Kontrak Syariah, *Musyarakah*, *Mudharabah*, Syer keanggotaan koperasi

**ABSTRACT**

*This study explores and analyzes the application of Shariah contracts specifically musyarakah and mudarabah in cooperative institutions in Malaysia. It aims to determine the takyif fiqhi for the implementation of membership shares based on cooperative operations in line with the Cooperative Act 1993 and the latest guidelines. Unlike previous studies that focus on conceptual discussions, this study assesses the suitability of Shariah contracts within cooperative membership structures by analyzing legal frameworks and regulatory guidelines in Malaysia. This study adopts a qualitative approach through document analysis of the legal framework governing cooperatives, Shariah contract guidelines, and fiqh texts to evaluate the compatibility of these contracts in cooperative membership structures. Findings reveal that musyarakah, particularly syirkah al-'inan, is the most suitable contract for membership shares as it aligns with most cooperative regulations. In contrast, mudarabah is less suitable due to conflicts with cooperative principles, particularly shared ownership and active member participation. Despite this, challenges remain in inheritance management of membership shares and dividend distribution, requiring further refinement. This study contributes to the development of a Shariah-compliant framework for cooperative membership shares and serves as a reference for policymakers, cooperative managers, and Islamic finance researchers in improving Shariah compliance in cooperative operations.*

**Keywords:** Shariah contracts, Musyarakah, Mudarabah, Cooperative membership shares

**PENGENALAN**

Institusi koperasi memainkan peranan penting dalam memperkukuh sistem ekonomi dalam sesebuah negara. Di Malaysia, institusi koperasi telah menjadi tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi (Zahra, 2024). Sektor koperasi telah menyumbang kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) selepas sektor awam dan swasta di Malaysia dan menjadi faktor pengimbang terhadap dominasi kedua-dua sektor tersebut (Abd Rahman & Zakaria, 2018; Ghani et al., 2021). Peranan penting ini dapat dilihat daripada jumlah keanggotaan koperasi yang mencapai 7.31 juta orang pada tahun 2024 yang membolehkan koperasi memperoleh nilai perolehan sebanyak RM 45.50 bilion (Zahra, 2024). Jumlah ini telah mencerminkan minat rakyat Malaysia terhadap koperasi di samping menggambarkan keupayaan institusi ini untuk menjana perolehan yang menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sumbangan koperasi kepada sistem ekonomi mampu menyokong matlamat pembangunan mampan (SDG) yang digariskan oleh United Nation (UN). Peranan koperasi sebagai pemangkin pembangunan ekonomi sosial yang memenuhi keperluan anggotanya dapat meningkatkan kualiti hidup, kesihatan, keselamatan tenaga kerja dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan kurang bernasib baik. Pendekatan ini dapat memenuhi beberapa matlamat utama SDG seperti SGD 2 dan SDG 8 yang memberi penekanan terhadap pertumbuhan ekonomi mampan di samping penghapusan isu kelaparan dalam masyarakat setempat (Martínez et al., 2020; Zakaria et al., 2021; Guadaño et al., 2020). Dalam konteks koperasi di Malaysia, aspek pematuhan Syariah turut melengkapkan matlamat pembangunan ekonomi.

Dalam senario di Malaysia yang majoriti rakyatnya beragama Islam, operasi koperasi hendaklah mematuhi kehendak Syariah supaya umat Islam dapat menggunakan perkhidmatan dan produk yang patuh Syariah. Bagi melaksanakan usaha ini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menggubal beberapa garis panduan khusus bagi memastikan operasi koperasi sejajar dengan prinsip Syariah. Antaranya seperti GP 28: Garis Panduan Tadbir Urus Syariah Koperasi (2015), GP07: Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam Oleh Koperasi (2019), dan GP07B: Garis Panduan Pemberian Ibra' (Rebat) Bagi Pembiayaan Islam Berasaskan Jual Beli (2015) (Kamaruddin

et al., 2024; Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2009, 2015a, 2015b). Garis panduan ini menjadi rujukan kepada pihak koperasi untuk menjalankan operasi yang mematuhi prinsip Syariah.

Namun, biarpun terdapat pelbagai garis panduan yang telah dikeluarkan oleh SKM bagi menjalankan pematuhan Syariah, masih terdapat komponen operasi koperasi yang kurang diberikan perhatian iaitu syer keanggotaan. Syer keanggotaan merupakan elemen asas dalam struktur koperasi kerana ia berkait rapat dengan pelaksanaan operasinya. Secara dasarnya, koperasi merupakan institusi yang berasaskan kepada komuniti melalui penyertaan anggota secara sukarela (Mohomed, 2016; Yewang, 2022). Penyertaan anggota koperasi hanya akan dikira setelah anggotanya menyumbangkan syer keanggotaan kepada pihak koperasi (Fici, 2013). Keanggotaan koperasi membolehkan anggota menjalankan peranan mereka sebagai pemilik bersama untuk menentukan hala tuju koperasi melalui hak mengundi bagi melantik Ahli Lembaga Koperasi di samping berperanan sebagai pengguna dan pelaksana dalam koperasi (Pek, 2023; Pönkä, 2018). Anggota juga berhak menikmati manfaat seperti dividen, saham bonus atau rebat daripada koperasi (Abd Rahman & Zakaria, 2018). Peranan dan manfaat yang diperoleh daripada keanggotaan koperasi menunjukkan bahawa aspek ini mempengaruhi penubuhan dan pengoperasian sesebuah koperasi.

Melihat kepada kepentingan syer keanggotaan dalam koperasi, pelaksanaannya perlu diberikan perhatian dalam aspek pematuhan Syariah. Namun begitu, kajian terdahulu lebih banyak membincangkan kontrak Syariah dalam penubuhan koperasi dari sudut fiqh dan asas pembentukannya secara global. Sebaliknya, perbincangan berkenaan pengaplikasian kontrak Syariah dalam pendasar syer keanggotaan dalam konteks perundangan koperasi di Malaysia adalah masih terhad. Pelaksanaan kajian ini dapat menjelaskan kontrak Syariah yang bersesuaian sebagai kontrak pendasar syer keanggotaan dengan mengambilkira keselarasan antara prinsip Syariah dan perundangan koperasi di Malaysia. Penggunaan kontrak Syariah yang bersesuaian bukan sahaja dapat memastikan ketelusan dalam perkongsian keuntungan tetapi juga dapat memperkukuh keyakinan anggota terhadap keabsahan operasi koperasi dari perspektif Syariah.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kontrak pendasar syer keanggotaan berdasarkan kontrak musyarakah dan mudarabah dalam keanggotaan koperasi di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga akan menentukan takyif fiqhi bagi penubuhan dan pengoperasian institusi koperasi selaras dengan akta dan garis panduan koperasi terkini..

## SOROTAN KARYA

### *Pengaplikasian Kontrak Syariah dalam Koperasi*

Penggunaan kontrak Syariah dalam transaksi kewangan Islam merupakan perkara asas dalam menjadikan sesebuah urusan niaga patuh syariah. Setiap kontrak Syariah yang digunakan hendaklah memenuhi segala rukun dan syaratnya yang tersendiri supaya ia dapat menjamin keadilan pihak-pihak yang berkontrak dan mengelakkan transaksi daripada elemen yang dilarang dalam Islam seperti riba, *gharar* dan *maysir* (International Shariah Research Academy for Islamic Finance [ISRA], 2023). Kontrak Syariah seperti jual beli (*bay'*), perkongsian untung rugi (*mudarabah*), perkongsian modal (*musyarakah*), pemberian upah (*ujrah*), perwakilan (*wakalah*), pinjaman (*qard*), sewaan (*ijarah*), gadaian (*rahn*) dan lain-lain telah banyak diaplikasikan dalam institusi kewangan Islam di Malaysia. Dalam institusi koperasi, kontrak-kontrak ini digunakan dalam operasi koperasi seperti penubuhan

koperasi dan penawaran produk-produk kewangan Islam bagi tujuan pembiayaan, pinjaman dan pelaburan.

Dalam konteks penubuhan koperasi, terdapat perbezaan pandangan berkenaan kontrak Syariah yang bersesuaian untuk diaplikasikan dalam struktur koperasi. Hal ini kerana konsep koperasi yang dilaksanakan pada ketika ini tidak wujud pada zaman awal Islam (Mukhlis, 2021). Namun begitu, menurut Surkery dan Yaacob (2019), kontrak *musyarakah* dan *mudharabah* merupakan kontrak Syariah yang sering dikaitkan dengan koperasi. Kedua-dua kontrak ini berbentuk perkongsian keuntungan di antara dua pihak yang menyumbangkan modal atau melakukan pekerjaan (ISRA, 2023).

### ***Perbahasan Kontrak Syariah dalam Penubuhan Koperasi***

Kontrak *musyarakah* ialah perkongsian antara beberapa pihak di mana mereka bersama-sama berkongsi keuntungan dan menanggung kerugian hasil daripada perkongsian tersebut (Al Sa'ad, 2011; Bank Negara Malaysia [BNM], 2016). Keharusan penggunaan kontrak ini adalah berdasarkan kepada dalil al-Quran, al-Sunnah dan ijmak. *Musyarakah* terbahagi kepada dua jenis utama, iaitu *syirkah al-milk* dan *syirkah al-'aqd*. *Syirkah al-milk* merujuk kepada pemilikan bersama sesuatu aset oleh dua pihak atau lebih sama ada dengan atau tanpa persetujuan awal untuk membentuk perkongsian tersebut. Sebaliknya, *syirkah al-'aqd* ialah kontrak yang dimeterai antara dua atau lebih rakan kongsi untuk menjalankan aktiviti perniagaan dengan tujuan menjana keuntungan. Setiap rakan kongsi bertindak sebagai wakil kepada rakan kongsi lain dan sebarang tindakan yang dilakukan oleh salah seorang daripadanya dianggap mewakili keseluruhan perkongsian tersebut (BNM, 2016). *Syirkah al-'aqd* juga terbahagi kepada beberapa jenis iaitu seperti *syirkah al-'inan* dan *syirkah mufawadah*, *syirkah abdan* dan *syirkah wujub* (Al-Zuhaili, 1989).

Terdapat beberapa kajian telah menyatakan bahawa penubuhan koperasi adalah berasaskan kepada kontrak *musyarakah* (Ghulam, 2016; Marlina & Pratami, 2017; Safe'i, 2012). Ghulam (2016) dan Safe'i (2012) telah mengkhususkan kontrak *musyarakah* kepada *syirkah mufawadah* yang menuntut semua pihak berkongsi modal dan keuntungan secara sama rata. Manakala Hendi (seperti yang dinyatakan dalam Marlina & Pratami, 2017) telah menukikan pandangan Abdurrahman Isa yang berpendapat bahawa koperasi adalah berasaskan *syirkah amwal* dan *syirkah musabamah* kerana ia melibatkan pembelian saham oleh anggotanya. Marlina dan Pratami (2017) pula menjelaskan bahawa koperasi boleh ditubuhkan berdasarkan mana-mana jenis *musyarakah*. Mahmud Shaltut pula berpandangan bahawa koperasi merupakan sebuah jenis *musyarakah* yang baru, iaitu *syirkah ta'awuniah* (Shaltut, 2001).

Selain kontrak *musyarakah*, kontrak *mudharabah* turut dikenalpasti sebagai salah satu kontrak yang relevan bagi penubuhan dan pelaksanaan koperasi. Kontrak *mudharabah* merujuk kepada akad yang melibatkan pemilik modal (*rabbul mal*) menyerahkan sejumlah modal kepada pihak lain (*mudharib*) untuk menjalankan aktiviti perniagaan dengan tujuan memperoleh keuntungan (Al-Sa'ad, 2011). Dalam kontrak ini, keuntungan yang dihasilkan akan dibahagikan antara kedua-dua pihak berdasarkan nisbah yang dipersetujui bersama, manakala kerugian sepenuhnya ditanggung oleh pemilik modal, kecuali jika disebabkan oleh kecuaiian atau pelanggaran amanah oleh mudharib (Al-Zuhaili, 1989). Menurut Al-Zuhaili (1989), para imam mazhab bersepakat bahawa kontrak *mudharabah* adalah diharuskan dalam Islam berdasarkan dalil daripada al-Quran, al-Sunnah, ijmak, dan qiyas.

Dalam konteks perbincangan *mudarabah*, Mukhlis (2021) secara umumnya menukulkan bahawa terdapat ulama dan sarjana yang berpendapat bahawa koperasi boleh ditubuhkan berdasarkan prinsip *mudarabah* kerana anggota menyumbangkan modal dan menguruskan aktiviti perniagaan. Pandangan ini disokong oleh kajian Ali dan Ghani (2015) yang menganalisis secara empirikal pelaksanaan kontrak *mudarabah* dalam syer keanggotaan sebuah koperasi di Malaysia. Hasil kajian mereka mendapati bahawa pelaksanaan kontrak ini sebagai kontrak pendasar syer keanggotaan dikira sebagai *mudarabah fasid* kerana nisbah pembahagian keuntungan dan kerugian tidak mengikut prinsip kontrak. Dapatan ini menunjukkan bahawa koperasi menghadapi cabaran dalam memastikan penggunaan kontrak ini sebagai kontrak pendasar syer keanggotaan mematuhi prinsip Syariah. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti secara mendalam kesesuaian kontrak ini dalam pelaksanaan syer keanggotaan koperasi.

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang tidak bersetuju bahawa koperasi berasaskan *musyarakah* dan *mudarabah*. Buang (2004) menegaskan koperasi merupakan satu bentuk akad muamalat baru. Hasan dan Taqiyyuddin (seperti yang dinyatakan dalam Marlina & Pratami, 2017) menjelaskan bahawa terdapat beberapa sarjana seperti Khalid Abdurrahman Ahmad dan Taqiyyuddin An-Nabhani yang mengharamkan koperasi prinsip koperasi tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syariah. Pengharaman ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, koperasi ditubuhkan berasaskan modal semata-mata tanpa melibatkan individu tertentu sebagai rakan kongsi yang aktif dalam struktur organisasi. Kedua, pembahagian keuntungan dalam koperasi tidak dilakukan berdasarkan jumlah modal yang disumbangkan, sebaliknya berdasarkan penglibatan anggota dalam bentuk pembelian atau pengeluaran. Ketiga, koperasi telah melahirkan satu kelompok yang eksklusif kerana mengehadkan keahlian anggota koperasi kepada satu golongan sahaja (Mukhlis, 2021).

Tuntasnya, walaupun terdapat pelbagai perbincangan berkenaan penggunaan kontrak Syariah seperti *musyarakah* dan *mudarabah*, kajian terdahulu lebih banyak menumpukan kepada perbincangan konsep asas dan teori kontrak ini dalam konteks penubuhan koperasi. Kajian yang dilakukan oleh Ghulam (2016), Marlina dan Pratami (2017), serta Ali dan Ghani (2015) telah memberikan saranan bahawa koperasi boleh diasaskan kepada prinsip *musyarakah* atau *mudarabah*. Pandangan ini menunjukkan terdapat potensi penggunaan kontrak ini secara fleksibel dalam syer keanggotaan. Namun begitu, perkara ini berbeza dengan pandangan yang dinyatakan oleh Buang (2004) yang menegaskan bahawa koperasi tidak sepenuhnya bersesuaian dengan mana-mana kontrak Syariah sedia ada. Perbezaan pandangan ini menunjukkan bahawa tiada kesepakatan dalam kalangan sarjana terhadap pemilihan kontrak Syariah yang sesuai bagi syer keanggotaan koperasi. Hal ini menimbulkan keperluan untuk menilai asas kontrak Syariah dalam struktur organisasi dan syer keanggotaan koperasi.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar kajian berkenaan kontrak Syariah dalam penubuhan koperasi ini masih bersifat konseptual dan kurang dikaji pelaksanaannya berdasarkan amalan koperasi di Malaysia. Kajian empirikal yang menganalisis penerapan kontrak Syariah dalam syer keanggotaan koperasi di Malaysia adalah sedikit jika dibandingkan dengan kajian empirikal yang lebih banyak berfokus kepada pengaplikasian kontrak Syariah dalam produk-produk kewangan Islam yang ditawarkan oleh koperasi. Contohnya, hanya kajian Ali dan Ghani (2015) menganalisis pelaksanaan kontrak *mudarabah* dalam syer keanggotaan koperasi tetapi kajian tersebut melibatkan satu kes koperasi sahaja tanpa membandingkannya dengan koperasi lain yang mungkin menggunakan kontrak Syariah yang lain. Selain itu, kajian terdahulu lebih banyak meneliti kontrak

yang digunakan dalam penubuhan koperasi tetapi tidak secara khusus membincangkan kontrak Syariah bagi syer keanggotaan daripada perspektif perundangan koperasi.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang ini dengan menganalisis kontrak Syariah dan menentukan *takyif fiqhi* untuk pelaksanaan syer keanggotaan dalam operasi koperasi. Kajian ini akan menilai kesesuaian kontrak ini berdasarkan perundangan koperasi terkini. Melalui pendekatan ini, kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih meluas berkenaan pengamalan kontrak Syariah dalam keanggotaan koperasi.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen untuk melengkapkan objektif kajian ini. Analisis dokumen adalah kaedah sistematik yang digunakan untuk menilai dan meneliti dokumen bagi memperoleh makna, memahami kandungan dan membangunkan pengetahuan secara empirikal (Bowen, 2009). Kaedah analisis dokumen dipilih kerana ia mampu memberikan pandangan mendalam tentang kandungan dokumen yang menghubungkan teori kontrak Syariah dengan aplikasi praktikalnya dalam operasi koperasi.

Pendekatan ini digunakan untuk menganalisis beberapa dokumen berkaitan koperasi berdasarkan tiga kriteria pemilihan yang merangkumi tiga aspek utama. Pertama, dokumen yang dianalisis hendaklah relevan dengan struktur organisasi dan syer keanggotaan koperasi. Kedua, kajian ini hanya meneliti dokumen rasmi dan berautoriti, termasuk perundangan dan dasar koperasi yang dikawal selia oleh SKM, bagi memastikan kesahihan data dan kesesuaian dalam konteks perundangan semasa. Ketiga, analisis dokumen turut merangkumi perspektif fiqh klasik dan kontemporari, di mana teks fiqh yang membincangkan kontrak *musyarakah* dan *mudharabah* digunakan untuk menilai kesesuaian kontrak ini dalam operasi koperasi serta hubungannya dengan pematuhan Syariah. Berdasarkan kriteria ini, sumber data utama yang digunakan dalam kajian ini adalah Akta Koperasi 1993, undang-undang kecil koperasi dan garis panduan yang digubal oleh SKM. Selain itu, dokumen polisi Bank Negara Malaysia (BNM) dan teks-teks fiqh yang membincangkan kontrak *musyarakah* dan *mudharabah* digunakan sebagai rujukan piawaian kepatuhan Syariah.

Tujuan utama analisis dokumen ini adalah untuk menilai aplikasi kontrak Syariah khususnya *musyarakah* dan *mudharabah* dalam operasi koperasi serta menentukan *takyif fiqhi* yang komprehensif bagi pelaksanaan syer keanggotaan koperasi. Kajian ini melibatkan analisis kandungan untuk mengenal pasti tema utama seperti kelayakan anggota, proses pendaftaran, modal, dan mekanisme pembahagian keuntungan dalam koperasi. Seterusnya, analisis perbandingan dilakukan untuk menilai sejauh mana tema-tema ini memenuhi prinsip dan rukun kontrak seperti yang digariskan dalam teks fiqh klasik dan garis panduan semasa. Kriteria utama dalam menentukan pematuhan Syariah kontrak syer keanggotaan koperasi adalah dengan memastikan operasi dan perundangan koperasi yang dianalisis hendaklah memenuhi rukun dan syarat kontrak *musyarakah* dan *mudharabah* seperti yang telah digariskan dalam teks fiqh dan dokumen polisi kontrak Syariah.

Hasil analisis ini disintesis untuk mengenal pasti jurang dan ketidakselarasan pelaksanaan operasi koperasi dengan prinsip kontrak Syariah. Dengan mengintegrasikan perundangan, garis

panduan kontrak Syariah dan teks fiqh, kajian ini dapat memberikan gambaran pelaksanaan koperasi yang selaras dengan kehendak Syariah dan perundangan koperasi di Malaysia.

## HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### ***Pengaplikasian Kontrak Mudarabah dalam Perundangan Koperasi***

Kontrak *mudarabah* mempunyai beberapa persamaan dalam koperasi, namun terdapat percanggahan prinsip yang menjadikannya kurang sesuai sebagai kontrak pendasar syer keanggotaan koperasi. Pertama, berdasarkan Seksyen 2 Akta Koperasi 1993, koperasi didefinisikan sebagai “suatu pertubuhan orang berautonomi yang bersatu secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya mereka yang sama melalui suatu perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi.” Definisi ini mengetengahkan konsep pemilikan dan penglibatan bersama semua anggota dalam menguruskan koperasi. Anggota juga memiliki hak mengundi dan boleh terlibat secara langsung dalam menentukan hala tuju koperasi. Walau bagaimanapun, perkara ini dilihat bercanggah dengan prinsip *Mudarabah* yang tidak mengamalkan konsep pengawalan bersama. Hal ini kerana, *rabbul mal* dalam kontrak ini hanya menyediakan modal, manakala *mudharib* bertanggungjawab sepenuhnya dalam pengelolaan usaha niaga (BNM, 2016).

Selain itu, anggota koperasi juga boleh dilantik sebagai Ahli Lembaga Koperasi (ALK) melalui Mesyuarat Agung Tahunan untuk menguruskan koperasi. Penglibatan langsung anggota dalam pengurusan bercanggah dengan prinsip *Mudarabah*, yang melarang *rabbul mal* daripada terlibat secara aktif dalam urusan niaga. Menurut Al Sa’ad (2011), *rabbul mal* hanya dibenarkan terlibat dalam transaksi tertentu dengan keizinan *mudharib* dan tertakluk kepada syarat-syarat kontrak. BNM (2016) pula menjelaskan bahawa *mudharib* bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengurus usaha niaga manakala *rabbul mal* hanya berhak mendapatkan maklumat berkaitan usaha niaga tanpa terlibat secara aktif dalam pengurusan tersebut. Perbezaan peranan ini menunjukkan bahawa kontrak *mudarabah* dilihat kurang sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks koperasi yang menekankan penglibatan bersama dalam pengurusan operasi.

Dari aspek pembahagian keuntungan, koperasi menetapkan dividen berdasarkan peratusan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Akta Koperasi 1993. Pemberian dividen tidak boleh melebihi sepuluh peratus melainkan mendapat kelulusan SKM. Berdasarkan prinsip *mudarabah*, sebarang keuntungan tidak boleh ditetapkan dalam bentuk peratusan tertentu daripada modal. Keuntungan mestilah diagihkan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui bersama antara *rabbul mal* dan *mudharib* (BNM, 2016). Walau bagaimanapun, nisbah pembahagian keuntungan yang dipersetujui ini boleh ditukar kepada peratusan indikatif berdasarkan prestasi sebenar usaha niaga. Perbezaan pendekatan ini menunjukkan bahawa kaedah pembahagian keuntungan dalam koperasi seperti penetapan dividen yang bergantung kepada peratusan tertentu bercanggah dengan prinsip kontrak *mudarabah*.

### ***Pengaplikasian Kontrak Musyarakah dalam Perundangan Koperasi***

Kontrak *musyarakah* dianggap sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks koperasi khususnya di Malaysia. Struktur institusi koperasi di Malaysia menunjukkan banyak persamaan dengan konsep *syirkah al-‘inan*. Selain itu, ia juga selaras dengan peruntukan yang termaktub dalam Akta Koperasi 1993 serta undang-undang berkaitan koperasi di Malaysia.

### ***Persamaan Syirkah al-'Inan dalam Perundangan Koperasi***

Perbincangan mengenai persamaan antara *syirkah al-'inan* dan perundangan koperasi adalah seperti berikut.

#### ***Kelayakan Menjadi Anggota***

Kelayakan untuk menjadi anggota koperasi di Malaysia seperti yang termaktub dalam Seksyen 26 dan 27 Akta Koperasi 1993 menunjukkan terdapat persamaan dengan ciri pihak yang berkontrak dalam *syirkah al-'inan*. Kelayakan ini melibatkan syarat seperti mestilah warganegara Malaysia, mencapai umur lapan belas tahun dan berupaya dari segi mental. Pensyaran ini menepati prinsip *syirkah al-'inan* iaitu pihak-pihak yang berkontrak mesti memenuhi kelayakan (*ahliyyah*) seperti akal yang waras, mencapai umur baligh dan mempunyai keupayaan untuk membezakan perkara baik dan buruk (Al-Dabu, 1983).

Selain itu, syarat-syarat lain yang dinyatakan dalam akta seperti seseorang yang tidak berada dalam status muflis atau belum dilepaskan daripada kebangkrutan dan tidak mempunyai sabitan aktif bagi kesalahan yang boleh didaftarkan adalah dibenarkan berdasarkan kepada prinsip *musyarakah*. Penetapan syarat kelayakan ini bertujuan menjaga masalah koperasi dan anggotanya. Hal ini selaras dengan kaedah fiqh:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Maksud: "Keputusan pemerintah terhadap rakyat berasaskan masalahah."

Syarat ini sejajar dengan undang-undang Islam dan boleh dikategorikan di bawah konsep *siyasah* khususnya bagi syarat yang berkaitan dengan pensabitan kesalahan (Buang, 2004). Perkara ini juga turut disokong berdasarkan garis panduan BNM (2016) yang menetapkan bahawa sebarang terma dalam kontrak *musyarakah* yang dipersetujui bersama dan mematuhi prinsip Syariah adalah sah dan mengikat antara pihak yang berkontrak. Oleh itu, syarat kelayakan anggota koperasi seperti yang dinyatakan dalam Akta Koperasi 1993 memenuhi ciri-ciri asas *syirkah al-'inan*.

#### ***Pendaftaran Anggota Koperasi***

Pendaftaran keanggotaan koperasi merupakan satu proses penting bagi mengesahkan penyertaan individu atau koperasi sebagai anggota sesebuah koperasi. Secara umumnya, proses pendaftaran anggota koperasi di Malaysia melibatkan pengisian dan penyerahan borang pendaftaran beserta resit dan dokumen sokongan ini, memenuhi elemen penawaran (*ijab*) dan penerimaan (*qabul*) dalam kontrak *musyarakah*. Proses ini memenuhi syarat *ijab* dan *qabul* sama ada secara lisan, bertulis atau secara isyarat yang boleh difahami sebagai keizinan untuk meneruskan transaksi menggunakan kontrak ini (Al-Dabu, 1983; Al-Khayat, 1994).

Proses ini juga bertepatan dengan garis panduan BNM (2016) yang menegaskan bahawa penawaran dan penerimaan dalam kontrak *musyarakah* boleh dilakukan secara lisan, bertulis atau kaedah lain yang boleh dibuktikan melalui dokumentasi. Oleh itu, proses borang pendaftaran secara bertulis antara anggota dan pihak koperasi boleh dianggap sebagai satu bentuk keizinan bersama untuk melaksanakan aktiviti dalam koperasi yang berpotensi menghasilkan keuntungan berdasarkan modal *musyarakah*. Secara kesimpulannya, proses pendaftaran koperasi menunjukkan persamaan yang jelas dengan prinsip *syirkah al-'inan* dalam aspek penawaran dan penerimaan.

### **Modal**

Modal merupakan elemen penting dalam koperasi kerana ia membolehkan koperasi mencapai matlamat meningkatkan taraf sosioekonomi anggotanya (Abdul Razak, 2015). Penetapan modal sesebuah koperasi boleh dirujuk dalam Undang-undang kecil koperasi dan tertakluk kepada pengawalseliaan SKM. Modal koperasi terdiri daripada beberapa sumber seperti modal syer dan yuran dengan jumlah minimumnya berbeza mengikut institusi koperasi. Contohnya, Seksyen 50 Undang-undang Kecil Koperasi FELDA 2018 menetapkan pembayaran modal syer minimum sebanyak RM100 bagi individu sementara Co-opbank Pertama (CBP) menetapkan RM1,000 bagi pendaftaran individu dan RM5,000 untuk keanggotaan koperasi (Co-opbank Pertama, 2021; Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad, 2018). Penyerahan modal biasanya dilakukan semasa pendaftaran atau dalam tempoh tertentu yang ditetapkan mengikut aturan koperasi. Anggota juga diberi kebebasan untuk menyumbang modal melebihi jumlah minimum yang ditetapkan. Hal ini kerana institusi koperasi hanya menetapkan jumlah minimum modal yang wajib disumbangkan oleh anggotanya bagi memastikan kelangsungan aktiviti koperasi.

Berdasarkan ciri-ciri modal dalam koperasi, ia menunjukkan persamaan dengan prinsip modal dalam *syirkah al-'inan*. Pertama, jumlah modal yang diperlukan mesti jelas dan diketahui semasa kontrak dilaksanakan (Al-'Awadi, 2009; Al-Dabu, 1983). Kedua, modal yang digunakan berbentuk tunai seperti Ringgit Malaysia adalah dibenarkan dalam *musyarakah* dan modal berbentuk aset tetap hendaklah dinilai dalam bentuk tunai (BNM, 2016). Ketiga, tidak terdapat penetapan jumlah modal yang sama antara rakan kongsi seperti yang dipersetujui oleh fuqaha' Mazhab Hanafi dan Maliki (Al-Dabu, 1983; Al-Kasani, 2003). Oleh itu, pelaksanaannya dibenarkan kerana mematuhi prinsip Syariah.

### **Keuntungan**

Keuntungan koperasi yang diperoleh melalui aktiviti yang dijalankan oleh ALK diagihkan kepada anggota melalui dividen. Menurut Undang-undang Kecil dan Seksyen 57 Akta Koperasi 1993, pengagihan dividen tidak boleh melebihi 10 peratus tanpa kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan koperasi yang masih mempunyai kerugian yang belum dihapus kira sepenuhnya, hanya boleh mengagihkan keuntungan tidak melebihi 5%. Pembahagian ini juga hendaklah berdasarkan sumbangan syer dan yuran modal seseorang anggota. Seksyen 57 Akta Koperasi 1993 juga telah memperuntuk prosedur pengisytiharan dividen berdasarkan keuntungan bersih yang telah diaudit.

Kaedah pembahagian keuntungan koperasi ini mempunyai persamaan dengan *syirkah al-'inan* di mana keuntungan boleh dibahagikan sama rata atau berbeza bergantung kepada persetujuan rakan kongsi (Al-Zuhaili, 1989). Kerugian pula ditanggung mengikut sumbangan modal (Al-'Awadi, 2009). Dalam koperasi, anggota menerima dividen yang sama daripada keuntungan koperasi sementara ALK menerima keuntungan tambahan hasil daripada upah atas tanggungjawabnya dalam menguruskan koperasi. Pelaksanaan ini tidak bercanggah dengan konsep *syirkah al-'inan*.

Dari segi pengurusan keuntungan, koperasi akan memasukkan sebahagian keuntungan ke dalam akaun rizab untuk kelangsungan operasi koperasi. Pelaksanaan ini dibenarkan dan mengikut piawaian Syariah yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu rizab keuntungan diwujudkan untuk kelangsungan operasi pada masa hadapan dan pelarasan akhir dilakukan berdasarkan laporan

kewangan tahunan (BNM, 2016). Pendekatan ini juga dilihat sesuai dengan prinsip pengurusan keuntungan dalam *syirkah al-'inan*. Kesimpulannya, sebahagian konsep pembahagian keuntungan dalam koperasi bertepatan dengan ciri-ciri keuntungan dalam kontrak ini.

### ***Kematian dan Pengurusan Perwarisan***

Undang-undang kecil koperasi menetapkan bahawa keanggotaan seseorang anggota koperasi terhenti apabila berlaku kematian. Menurut Seksyen 24 Akta Koperasi 1993, bahagian syer dan kepentingan anggota yang meninggal dunia akan dipindahkan kepada penama atau waris yang sah. Penama yang dinamakan berhak menerima bahagian syer tersebut dan boleh meneruskan keanggotaan koperasi tanpa dikenakan bayaran pendaftaran baharu. Manakala jika waris atau penama tidak dapat dikenal pasti dalam tempoh enam bulan, syer tersebut boleh diserahkan kepada Pegawai Pentadbir Pusaka melalui Perbadanan Amanah Raya.

Pengurusan kematian anggota koperasi ini bertepatan dengan prinsip *syirkah al-'inan*. Hal ini kerana harta rakan kongsi iaitu anggota koperasi yang meninggal dunia dianggap sebagai harta perwarisan dan tidak boleh digunakan tanpa izin pewaris (Al-Dabu, 1983; Qudamah, 1992). Selain itu, waris atau penama dibenarkan menyambung kontrak *musyarakah* selepas penyelesaian wasiat atau hutang si mati. Ia bertepatan dengan pandangan fuqaha' daripada Mazhab Syafi'i, Maliki dan Hanbali (Al-Dabu, 1983). Dalam konteks keanggotaan koperasi, pendaftaran penama sebagai anggota merupakan satu kontrak baru antara penama dan koperasi. Amalan ini secara umumnya bersesuaian dengan *syirkah al-'inan*.

### ***Pengurusan Koperasi***

Pengurusan koperasi di Malaysia seperti yang diperuntukkan dalam Akta Koperasi 1993 telah menekankan kepentingan ALK untuk menguruskan koperasi. Seksyen 42 Akta Koperasi menetapkan bahawa ALK terdiri daripada tiga hingga lima belas orang anggota mengikut kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 43. Selain itu, ALK berperanan menguruskan koperasi termasuklah mewakili koperasi dalam urusan rasmi dan memastikan pentadbiran yang cekap seperti dinyatakan dalam Seksyen 44(1). Di samping itu, ALK juga berhak menerima saraan atau elaun yang dipersetujui dalam mesyuarat agung tahunan. Mereka juga hendaklah bertanggungjawab atas kerugian yang timbul akibat kecuaiian atau pelanggaran undang-undang seperti dinyatakan dalam Seksyen 45(1) dan 46(1).

Berdasarkan struktur pengurusan koperasi ini, ia dilihat mempunyai persamaan dengan konsep *syirkah al-'inan*. Pertama, *Syirkah al-'Inan* membenarkan lantikan rakan kongsi tertentu untuk menguruskan usaha sama tanpa mewajibkan semua rakan kongsi terlibat secara langsung. Menurut Al-'Awadi (2009) dan BNM (2016), rakan kongsi boleh memilih untuk menguruskan koperasi secara individu atau berkumpulan atau melibatkan semua rakan kongsi dalam *musyarakah*. Oleh itu, pelantikan Anggota Lembaga Koperasi bertepatan dengan prinsip ini.

Kedua, pemberian elaun kepada anggota lembaga tidak bercanggah dengan konsep *Musyarakah*, dengan syarat ia dilaksanakan melalui kontrak berasingan seperti Wakalah atau Ijarah. Fuqaha menyokong pemberian imbuhan kepada rakan kongsi pengurusan berdasarkan persetujuan bersama. Ketiga, tanggungjawab ke atas kerugian yang berlaku akibat salah laku atau kecuaiian oleh ALK juga bertepatan dengan prinsip *musyarakah*. Menurut Bank Negara Malaysia (2016), rakan kongsi pengurusan bertanggungjawab atas kerugian yang disebabkan oleh pelanggaran syarat-

syarat kontrak. Secara keseluruhannya, struktur pengurusan koperasi selaras dengan prinsip *syirkah al-'inan*.

### ***Persamaan Konsep Koperasi dengan Syirkah Musahamah***

Penubuhan dan pengoperasian koperasi di Malaysia memiliki beberapa persamaan dengan konsep *syirkah musahamah*, yang merupakan cabang daripada *syirkah al-'inan* dan diharuskan dalam Islam (Al-Zuhaili, 1989). *Syirkah musahamah* melibatkan modal yang dibahagikan kepada saham-saham kecil yang setara nilainya, di mana saham-saham ini tidak boleh dipecahkan tetapi boleh diperdagangkan (Al-Zuhaili, 1989).

Pertama, *syirkah musahamah* perlu didaftarkan dengan pihak berkuasa seperti kementerian atau suruhanjaya supaya penubuhannya adalah sah dari sudut perundangan (Al-Sa'ad, 2011). Perkara ini selaras dengan Seksyen 6(1) dan (2) Akta Koperasi 1993 yang mensyaratkan permohonan pendaftaran hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dan ditandatangani oleh individu yang layak menjadi anggota koperasi. Kedua, *syirkah* ini tidak dibenarkan untuk mendaftarkan nama dengan menggunakan nama rakan kongsi tetapi memerlukan nama dagangan dan perlu mempunyai undang-undang tersendiri (Al-Sa'ad, 2011). Ciri ini selaras dengan Seksyen 9 Akta Koperasi 1993 yang memperuntukkan koperasi sebagai entiti pertubuhan perbadanan yang didaftarkan dengan nama pertubuhan, berkuasa untuk memiliki harta alih dan tak alih dan menjalankan semua aktiviti yang diperlukan untuk mencapai tujuan penubuhannya. Ketiga, ALK dianggap sebagai pekerja yang berhak menerima gaji (Al-Zuhaili, 1989). Perkara ini telah diperuntukkan dalam Seksyen 42, 44, 45, dan 46 Akta Koperasi 1993. Keempat, tanggungjawab pemegang saham adalah terhad kepada nilai sahamnya (Al-Zuhaili, 1989). Seksyen 34A Akta Koperasi 1993 juga memperuntukkan perkara yang sama.

Walaupun ciri-ciri ini menunjukkan persamaan perundangan koperasi dengan *syirkah musahamah*, kontrak ini sudah tidak digunakan dalam industri kewangan Islam. Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia pada 22 Februari 2007 telah memutuskan bahawa penggunaan kontrak *musahamah* dalam pelan takaful am adalah tidak dibenarkan (Bank Negara Malaysia, 2010). Oleh yang demikian, kontrak *musyarakah* dilihat lebih sesuai diaplikasikan sebagai kontrak pendasar syer keanggotaan koperasi. Penggunaan kontrak ini telah diamalkan secara meluas dalam produk kewangan Islam seperti saham keutamaan patuh Syariah sepertimana yang telah digariskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2022).

### ***Isu Syariah dalam Pengaplikasian Kontrak Musyarakah***

Walaupun terdapat persamaan antara kontrak *musyarakah* dan operasi koperasi, masih terdapat beberapa isu Syariah yang telah dikenalpasti. Pertama, pensyaratan penyertaan kanak-kanak berumur 12 tahun yang berkemungkinan belum mencapai usia baligh ketika menjadi anggota koperasi. Baligh menjadi syarat penting dalam kontrak *musyarakah* kerana ia merupakan syarat sah sesuatu kontrak apabila transaksi dilakukan. Oleh itu, pensyaratan ini hendaklah dikaji dengan lebih mendalam supaya keanggotaan kanak-kanak ini sah di sisi Syariah.

Kedua, isu berkaitan modal koperasi melibatkan koperasi yang membenarkan penyerahan modal dilakukan dalam tempoh tertentu selepas pendaftaran keanggotaan. Perkara ini dilihat tidak menepati kontrak *musyarakah*. Hal ini kerana kontrak *musyarakah* hanya termeterai apabila seorang rakan kongsi berkontrak dan menyerahkan modalnya kepada rakan kongsi lain untuk menjalankan

aktiviti yang mendatangkan keuntungan. Oleh itu, kaedah dan tempoh pembayaran modal perlu diteliti untuk memastikan ia selaras dengan rukun dan syarat kontrak *musyarakah*.

Ketiga, pembahagian keuntungan dalam koperasi. Ketiadaan nisbah keuntungan yang ditetapkan sesama anggota serta kewujudan peruntukan yang membolehkan koperasi mengagihkan keuntungan walaupun masih mempunyai hutang yang belum dilangsaikan menimbulkan persoalan tentang sejauh mana ia mematuhi prinsip *musyarakah*. Keadaan ini mungkin membawa kepada jaminan modal yang tidak dibenarkan dalam kontrak Syariah.

Keempat, konsep kematian dan perwarisan anggota koperasi. Peranan penama dalam menguruskan harta anggota yang telah meninggal dunia juga tidak diterangkan secara jelas dalam peraturan koperasi. Penama boleh dianggap sebagai pentadbir harta (*wasī*) atau penerima harta (*beneficiary*) dan peranan ini memerlukan penjelasan lanjut untuk memastikan pengurusan harta tersebut mematuhi prinsip Syariah.

## RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Tuntasnya, kajian ini telah meneliti penerapan kontrak Syariah khususnya mudarabah dan musyarakah dalam perundangan koperasi di Malaysia. Matlamatnya adalah untuk menganalisis kesesuaian kontrak tersebut serta menentukan takyif fiqhi bagi syer keanggotaan. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, hasil kajian mendapati bahawa prinsip musyarakah terutamanya syirkah al-‘inan dilihat lebih sesuai untuk diaplikasikan sebagai syer keanggotaan koperasi berbanding mudarabah. Perundangan koperasi memiliki banyak persamaan dengan prinsip musyarakah. Sebaliknya, prinsip mudarabah pula didapati kurang sesuai untuk diaplikasikan kerana terdapat percanggahan pada beberapa aspek utama operasi koperasi seperti konsep pemilikan bersama, pembahagian keuntungan dan penglibatan rabbul mal secara langsung dalam pengurusan koperasi. Namun begitu, beberapa isu Syariah telah dikenal pasti termasuk kekaburan peranan penama dalam pengurusan harta pusaka anggota koperasi, penetapan nisbah keuntungan yang tidak jelas, dan kebolehan koperasi membenarkan anggota bukan Islam sebagai anggota penuh. Isu-isu ini memerlukan parameter Syariah yang lebih jelas untuk memastikan operasi koperasi benar-benar patuh Syariah.

Kajian ini menyumbang kepada pengembangan teori berkaitan pengaplikasian kontrak Syariah dalam institusi koperasi. Penemuan ini mengukuhkan kajian terdahulu seperti yang dinyatakan oleh Marlina & Pratami (2017) yang menyokong penggunaan musyarakah dalam bentuk syirkah al-‘inan dalam penubuhan koperasi. Secara tidak langsung, ia dapat mengembangkan potensi penggunaan kontrak musyarakah dalam operasi kewangan Islam khususnya dalam sektor koperasi. Seterusnya, kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat keperluan bagi penggubal dasar dan pengawalselia institusi koperasi seperti SKM untuk memperkenalkan garis panduan Syariah yang lebih komprehensif melibatkan aspek keanggotaan koperasi. Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Koperasi Malaysia boleh mempertimbangkan penyesuaian operasi koperasi dengan prinsip kontrak musyarakah untuk meningkatkan pematuhan Syariah. Selain itu, perundangan koperasi seperti Akta Koperasi dan undang-undang kecil koperasi boleh ditambahbaik bagi memastikan pelaksanaannya bertepatan dengan prinsip dan syarat kontrak.

Oleh kerana kajian ini hanya terbatas kepada skop kerangka perundangan koperasi di Malaysia, kajian seterusnya boleh dijalankan untuk membandingkan pelaksanaan kontrak Syariah dalam operasi koperasi di Malaysia dengan pelaksanaan koperasi di negara yang turut mengamalkan sistem kewangan Islam. Ia dapat mengukuhkan pelaksanaan kontrak Syariah dalam koperasi dengan mengenalpasti amalan dan garis panduan yang lebih berkesan untuk mengaplikasikan kontrak tersebut. Kajian lanjutan juga boleh meneliti faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan kontrak Syariah dalam koperasi serta keperluan penambahbaikan dasar dan garis panduan berkaitan aspek keanggotaan koperasi. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan sumbangan penting dalam membangunkan pemahaman tentang penerapan kontrak Syariah dalam sektor koperasi dan mencadangkan langkah-langkah strategik bagi memperkukuh kepatuhan Syariah dalam operasi koperasi di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abd Rahman, N., & Zakaria, Z. (2018). Kecekapan pengurusan koperasi di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 3(2), 134–146.
- Abdul Razak, N. A. (2015). Dividen: Satu kemestian atau kemampuan? *Institut Koperasi Malaysia*, 39–46.
- Al-'Awadi, R. A.-S. (2009). *Mausu'ah al-iqtisad al-Islami fi al-masarif wa al-nuqud wa al-aswaq al-maliyah* (Jil. 1). Qaherah: Dar al-Salam, 288-294.
- Al-Dabu, I. F. (1983). *Syirkah al-inan fi al-fiqh al-Islami dirasah muqaranah* (Jil. 4). Amman: Maktabah al-Aqsa, 20-98.
- Al-Kasani, 'A. A. B. M. (2003). *Badai' al-sanai' fi tartib al-syarai'*. Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyah, 517-518.
- Al-Khayat, A. A. (1994). *Al-syarikat fi al-Syariah al-Islamiah* (Edisi ke-4, Jil. 1). Beirut: Muassasah al-Risalah, 75-85.
- Al Sa'ad, A. M. (2011). *Fiqh al-muamalat*. Irbid: Dar-Alketab, 42-47.
- Al-Zuhaili, W. (1989). *Al-fiqh al-Islami wa adillatuhu* (Edisi ke-3, Jil. 4). Dar al Fikr, 796-881.
- Ali, M. M., & Ghani, A. M. A. (2015). Pelaksanaan prinsip al-Mudarabah di Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-10*, 10, 529–538.
- Surkery, A. S., & Yaacob, S. E., (2019). Konsep koperasi patuh syariah: Satu tinjauan literatur. *Al-Qanatr: International Journal of Islamic Studies*, 15(1), 1–11.
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Resolusi Syariah dalam kewangan Islam*.
- Bank Negara Malaysia. (2016). *Piawaian Syariah dan keperluan operasi: Murabahah, mudarabah, musyarakah, tawarruq, istisna'*. Kuala Lumpur: International Shariah Research Academy for Islamic Finance, 44-182.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40.

- Buang, A. H. (2004). Koperasi Secara Islam dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *Jurnal Syariah*, 12(2), 1–24.
- Co-opbank Pertama. (2021). *Keanggotaan CBP*. Co-Opbank Pertama. Retrieved December 1, 2024, from <https://www.cbp.com.my/ms/keanggotaan/keanggotaan-cbp>.
- Ghani, R., Saad, R. A. J., Mohamad Shabri, S., Abd Wahab, M. S., & Ghazali, M. Z. (2021). The elements of cooperative governance model in Malaysia. *Advanced International Journal of Banking, Accounting and Finance*, 3(9), 58–74.
- Ghulam, Z. (2016). Implementasi Maqashid Syariah dalam Koperasi Syariah. *Iqtishoduna*, 5(1), 90–112.
- Guadaño, J. F., Millan, M. L., & Pedroza, J. S. (2020). Cooperative entrepreneurship model for sustainable development. *Sustainability*, 12(13), 1–11.
- Hadi, N. (2019). Maqashid koperasi Syariah. *I-ECONOMICS: A Research Journal on Islamic Economics*, 4(2), 159–179.
- International Shariah Research Academy for Islamic Finance. (2015). *Islamic financial system: principles & operations* (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: International Shariah Research Academy for Islamic Finance, 195-204.
- Kamaruddin, M. I. H., Salleh, S., Shafii, Z., Hanefah, M. M., & Zakaria, N. (2024). Exploring shariah governance practices in Islamic co-operatives in Malaysia. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 14(3), 89–96.
- Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad. (2018). *Undang-undang kecil Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad*.
- Marlina, R., & Pratami, Y. Y. (2017). Koperasi Syariah sebagai solusi penerapan akad syirkah yang sah. *Ammaluna: Jurnal Ekonomi Dan Keuangan Syariah*, 1(2), 263–275.
- Martínez, J. D. S., Cohard, J. C. R., Almonacid, A. G., & Simón, V. J. G. (2020). Social innovation in rural areas? The case of Andalusian olive oil co-operatives. *Sustainability*, 12(23), 1–18.
- Mohomed, M. R. N. (2016). Islamic credit union: An inclusive financial institution to meet the needs of the community. *COMSATS Journal of Islamic Finance*, 1(1), 57–72.
- Mukhlis, Z. U. (2021). Koperasi dalam perpektif hukum Islam. *Jurnal Kawakib*, 2(2), 90–99.
- Pek, S. (2023). Reconceptualizing and improving member participation in large cooperatives: insights from deliberative democracy and deliberative mini-publics. *Management*, 26(4), 68–82.
- Pönkä, V. (2018). The Legal nature of cooperative membership. *The Journal of Entrepreneurial and Organizational Diversity*, 7(2), 39–61.
- Qudamah, A. M. A. bin A. (1992). *Mughni li Ibnu Qudamah* (Edisi ke-2). Giza: Dar al-Fikr, 4-18.
- Safe'i, A. (2012). Koperasi Syariah: Tinjauan terhadap kedudukan dan peranannya dalam pemberdayaan ekonomi kerakyatan. *Media Syari'ah: Wabana Kajian Hukum Islam Dan Pranata*

*Sosial*, 14(1), 39–62.

Shaltut, M. (2001). *Al-Fatawa: Dirasah limushkilat al-muslim al-muasir fi hayatibi al-yaumiyah al-ammah* (Edisi ke-18.). Beirut: Dar al-Shuruq, 348-350.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2009). *GP07: Garis panduan mengenai pembiayaan Islam oleh koperasi*.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2015a). *GP28: Garis Panduan tadbir urus Syariah*.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2015b). *GP7B: Garis panduan pemberian ibra' (rebat) bagi pembiayaan Islam berasaskan jual beli*.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2022). *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*.

Yewang, M. U. K. (2022). Kewajiban dan hak anggota koperasi. *Journal Economic Education, Business and Accounting*, 1(2), 55-59.

Zahra, N. F. (16 Januari 2024). SKM rekod 15,809 koperasi berdaftar dengan 7.31 juta keahlian. *Kosmo*.

Zakaria, Z., Rahim, A. R. A., & Aman, Z. (2021). Investigating sustainability-oriented practices in Malaysian oil palm cooperatives: A construct validation method using confirmatory composite analysis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(5), 39–62.